

***BOSOON* DALAM MASYARAKAT BAJAU
DI DAERAH TUARAN, SABAH**




SABRAN BIN KIBONG

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN
WARISAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2018**

***BOSOON* DALAM MASYARAKAT BAJAU
DI DAERAH TUARAN, SABAH**

SABRAN BIN KIBONG



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN
WARISAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2018**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: BOSOON DALAM MASYARAKAT BAJAU DI DAERAH TUARAN,
SABAH
IJAZAH: SARJANA SASTERA (SENI KREATIF)

Saya SABRAN BIN KIBONG Sesi 2015-2016 mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIAH 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,

SABRAN BIN KIBONG
MA1511080T

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh: 12 September 2018

(Prof. Madya. Dr. Asmiaty Amat)
Penyelia Utama

(Dr. Lokman Abd Samad)
Penyelia Bersama

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali tulisan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 September 2018

.....
SABRAN BIN KIBONG
MA1511080T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : SABRAN BIN KIBONG

MATRIK : MA1511080T

TAJUK : *BOSOON* DALAM MASYARAKAT BAJAU DI DAERAH
TUARAN, SABAH

IJAZAH : IJAZAH SARJANA SASTERA KEPUJIAN (SENI KREATIF)

TARIKH VIVA : 22 MAC 2018

DISAHKAN OLEH ;



1. PENYELIA UTAMA

PROFESOR MADYA. DR. ASMIATY AMAT

Tandatangan

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2. PENYELIA BERSAMA

DR. LOKMAN ABD SAMAD

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam mesra daripada saya. Syukur alhamdulillah kerana usaha untuk menghasilkan tesis ini tidak akan tercapai tanpa sumbangan daripada banyak pihak. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia utama saya iaitu Profesor Madya Dr.Asmiaty Amat dan penyelia bersama saya iaitu Dr.Lokman Abd Samad kerana berjaya membimbing saya di awal penulisan tesis hingga ke akhirnya. Ilmu dan panduan yang amat berguna diperturunkan kepada saya sepanjang menyiapkan tesis ini menjadi bekalan untuk terus berbakti kepada diri, keluarga, agama, bangsa dan negara. Tidak lupa juga sekalung penghargaan ditujukan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah kerana sudi menerima saya sebagai salah seorang pelajar pascasiswazah di peringkat sarjana ini. Terima kasih juga kepada Pusat Pengajian Pascasiswazah Universiti Malaysia Sabah kerana membiayai kos pengajian ini. Begitu juga pensyarah-pensyarah Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan ucapan terima kasih saya ucapkan atas kesudian berkongsi ilmu sepanjang saya melanjutkan pengajian. Kepada kedua ibu bapa saya dan seluruh keluarga terima kasih kerana sentiasa menjadi tulang belakang di setiap saya jatuh dan bangun sehingga hasrat murni ini tercapai. Kepada rakan-rakan seperjuangan salam dedikasi untuk semua kerana sentiasa memberi kata-kata semangat untuk sama-sama berjaya dalam menimba ilmu. Kiriman doa ikhlas moga roh arwah bapa saya dan beberapa orang informan yang telah kembali kerahmatullah semoga mereka ditempatkan dikalangan orang yang beriman. Jutaan terima kasih kepada seluruh warga kampung Sungai Damit, Kampung Soang Kerumahan, Mengkabong, dan Kampung Tembiluk, Mengkabong atas kerjasama yang diberikan. Akhir kalam, moga segala yang tertulis dalam tesis ini dapat dikembalikan kepada masyarakat pendukungnya. Sekian.

SABRAN BIN KIBONG

12 September 2018

ABSTRAK

Etnik Bajau yang menempati Bahagian Pantai Barat Sabah khususnya di daerah Tuaran terkenal dengan gelaran 'Jomo Sama'. Mereka memiliki *bosoon* atau mantera yang diwarisi dari generasi ke generasi. Kajian ini bersifat kajian lapangan yang dilakukan di tiga lokasi kampung yang terdapat dalam daerah Tuaran. Pertama, Kampung Sungai Damit, Kampung Soang Kerumahan, Mengkabong dan Kampung Tembilok, Mengkabong. Kawasan tersebut didiami oleh majoriti masyarakat Bajau. Mereka mengamalkan *bosoon* dalam kehidupan harian mereka. Seramai 16 orang responden telah ditemubual secara individu dan berkumpulan. Mereka terdiri daripada golongan pengamal perubatan tradisional yang dikenali sebagai (tabit) dan golongan tua Bajau. Kajian bertujuan untuk mengenalpasti bentuk *bosoon* mengikut jenis dan fungsinya. Kajian ini turut melihat kaedah pelaksanaan perubatan dan melihat hubungkait *bosoon* dengan cara hidup orang Bajau. Sebanyak 54 jenis *bosoon* yang didokumentasikan dan dikategorikan mengikut kelompok tertentu. Pengkategorian *bosoon* terdiri daripada perbidanan, perubatan, amalan harian dan pugai. Sejajar dengan itu, kerangka teori SPB4K dengan mengambil kira ciri konsep kebitaraan telah digunakan untuk menganalisis *bosoon* dalam aspek bentuk, fungsi dan hubungan *bosoon* dengan orang Bajau. Akhirnya, kajian terhadap *bosoon* menunjukkan bahawa masyarakat Bajau memiliki kearifan tempatan tersendiri sehingga terhasilnya *bosoon* yang dapat dikaitkan dengan pemikiran mereka berkenaan asal mula kejadian manusia dari empat unsur alam (air, api, angin dan tanah). Setiap unsur tersebut berkait rapat dengan alam kelahiran sehingga ke alam kematian. Justeru, kesemua unsur alam tersebut disandarkan dengan keyakinan mereka terhadap kewujudan Tuhan. Justeru, pendokumentasian ini penting sebagai langkah melestarikan kearifan lokal tempatan. Selain itu, dapat menyediakan suatu korpus ilmu untuk tatapan semua lapisan masyarakat.

ABSTRACT

BOSON DALAM MASYARAKAT BAJAU DI DAERAH TUARAN, SABAH

The Bajau Sama' ethnic lives along West Coast of Sabah especially in Tuaran district. They inherit the bosoon or mantra from generation to generation. Field research was conducted in three different locations at Tuaran district which is Kampung Sungai Damit, Kampung Soang Kerumahan, Mengkabong and Kampung Tembilok, Mengkabong. They was conducted 16 respondenst were interview. They consist of traditional medical practitioners known as (tabit) and the elderly Bajau. This thesis is intended to finds out of bosoon according to the type and function. A total of 54 types of bosoon are documented and categorized according to a particular group. The categorization of bosoon consists of midwifery, medicine, daily routine and pugai. Hence, the SPB4K as a framework are applied to see the implementation, function, and relevance of the bosoon function by looking at the behavioral or lifestyle relationships of Bajau people in traditional medicine practices. Finally, the study of bosoon shows that the Bajau community has a tradition of believing that every element of human origin such as water, wind, land and fire is closely related to the existence of bosoms from the beginning of human birth to the realm of death. Hence, all elements of nature are based on their confidence in the existence of God. Hence, this documentation is an important step in preserving local wisdom. In addition, it can provide a corpus of knowledge for all levels of society.

SENARAI KANDUNGAN

	HALAMAN
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SIMBOL	xiv
SENARAI FOTO	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Mantera	2
1.3 Latar Belakang Masyarakat Bajau Tuaran	4
1.4 Latar Belakang Daerah Tuaran	5
1.5 Latar Belakang Lokasi Kampung	7
1.6 Permasalahan Kajian	9
1.7 Objektif Kajian	10
1.8 Metodologi Kajian	10
1.8.1 Kerja Kepustakaan	10
1.8.2 Pemerhatian Langsung	11
1.8.3 Temu bual	14
a) Temu bual Secara Individu	14
b) Temu bual Secara Berkumpulan	17
1.8.4 Analisis Data	18

1.9 Skop dan Limitasi Kajian	19
1.10 Kepentingan Kajian	22
1.8 Penutup	23

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	24
2.2 Kajian Mantera di Malaysia	24
2.3 Kajian Mantera di Indonesia	31
2.4 Ulasan Keseluruhan Kajian Berkenaan Mantera	33
2.5 Kajian Berkenaan Orang Bajau	33
2.6 Ulasan Keseluruhan Kajian Berkenaan Orang Bajau	37
2.7 Kajian Berkenaan Epistemologi	37
2.8 Penutup	39

BAB 3: PENDEKATAN TEORI

3.1 Pengenalan	40
3.2 Konsep Teori SPB4K/L	40
3.3 Sejarah Epistemologi	42
3.4 Definisi dan Tujuan Epistemologi	44
3.5 Sumber-sumber Pengetahuan	46
3.6 Epistemologi Barat	47
3.7 Epistemologi Islam	47
3.8 Epistemologi Melayu	48
3.9 Kearifan Penciptaan Mantera Orang Bajau	50
3.10 Hubungan Teori SBP4K/L dengan Epistemologi	54
3.11 Penutup	55

BAB 4: *BOSOON* PERBIDANAN DAN *BOSOON* PERUBATAN MASYARAKAT BAJAU TUARAN

4.1 Pengenalan	56
4.2 <i>Bosoon</i> Perbidanan	56

4.2.1 Mengambil Ubat	57
4.2.2 Mengurut Perut Perempuan Mengandung	60
4.2.3 Urut Perut Bunting 'Karabau'	62
4.2.4 Buwe Selusuh	64
4.2.5 Pemandi Uri Peranak	67
4.2.6 Niat Uri (Tembuni)	69
4.2.7 Pemandi Peranak Sakit	70
4.2.8 Mandi Lepas Bersalin tujuh dan 44 hari	71
4.2.9 Pemandi Kanak Nunat (Mandi Budak Bersunat)	73
4.2.10 Nunat Kanak Dendo (Sunat Bayi Perempuan)	75
4.3 <i>Bosoon</i> Perubatan	76
4.3.1 Memohon Maaf <i>Angin Boyok</i>	77
4.3.2 'Angin boyok' kepada Pesakit	79
4.3.3 Sakit Perut	81
a. Bayi	82
b. Orang Dewasa	84
4.3.4 Demam Panas	85
4.3.5 Sakit Cacar	90
4.3.6 Pemantan Darah	92
4.3.7 Uri Kenakan	93
4.3.8 Penyakit Mendelaut Akibat Kesampiran	97
4.3.9 Kebidaan	98
4.3.10 Penyakit Burut	102
a. Penyakit 'Buntal-buntal' bagi Bayi Perempuan	102
b. Penyakit 'Benurut' bagi Bayi Lelaki	105
4.3.11 Sawan Tangis	106
4.3.12 Lafaz Niat Ngalau Penyakit	109
4.4 Penutup	110

**BAB 5: *BOSoon* AMALAN HARIAN DAN *BOSoon*
PUGAI DALAM MASYARAKAT BAJAU TUARAN**

5.1 Pengenalan	111
5.2 <i>Bosoon</i> Amalan Harian	111
5.2.1 Salam Bumi	111
5.2.2 Sebelum Masuk Hutan	114
5.2.3 Ketika Dalam Hutan	116
5.2.4 Menebang Pokok untuk Kegunaan Sendiri	117
5.2.5 Angin Puting Beliung	120
5.2.6 Turun ke Laut	122
5.2.7 Memilih Tapak Rumah	124
5.2.8 Mendirikan Rumah	125
5.2.9 Pindah Rumah	128
5.2.10 Ternampak Buaya	130
5.2.11 Cangkul Tanah	132
5.2.12 'Guris Selendang Merah'	134
5.2.13 'Pelias' atau Pelindung	135
5.2.14 Ketika Menuai Padi	137
5.2.15 Ketika Membasuh Beras	140
5.2.16 Ketika Mengusung Jenazah	140
5.2.17 Ketika Menggali Kubur	142
5.3 <i>Bosoon</i> 'Pugai'	143
5.3.1 'Pamanis '	143
5.3.2 Perunduk	146
5.3.3 Pengasih	147
5.3.5 Gemuruh	148
5.3.5 Kebal Anak Jin	149
5.4 Penutup	150

BAB 6: RUMUSAN	151
RUJUKAN	153
LAMPIRAN	159



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Jumlah Penduduk Tuaran pada Tahun 2010	6
Jadual 1.2	Jumlah Penduduk mengikut daerah Pentadbiran dan Kumpulan Etnik Bajau di Bahagian Pantai Barat Sabah, 2010	12
Jadual 1.3	Kerangka Analisis Data	18
Jadual 1.4	Klasifikasi <i>Bosoon</i> Mengikut Informan Terpilih	19



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 3.1 'Poon Lemu' atau Pokok Ilmu (penciptaan mantera) Konsep Kejadian Manusia dalam Masyarakat Bajau Tuaran, Sabah.	51



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SIMBOL

B *Bosoon*

1-54 Jumlah bentuk *bosoon*




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 4.1 Daun Sambung Nyawa (daun perca)	73
Foto 4.2 Herba-herba dalam penghasilan 'berodak'	88
Foto 4.3 'Berodak' yang telah siap	89
Foto 4.4 Kaki bayi yang telah dilumur dengan 'berodak'	90
Foto 4.5 Pisang kenawar yang digunakan untuk merawat penyakit 'uri kenakan'	94
Foto 4.6 Ubat 'uri kenakan selepas dipanggang	95
Foto 4.7 Tangkal kelumbi	100
Foto 4.8 Ubat kebidaan yang telah menjadi serbuk halus	100
Foto 4.9 Upacara membuang penyakit buntal-buntalan	102
Foto 4.10 Daun Sireh, gambir dan pinang	103
Foto 4.11 Lesung batu untuk melumatkan bahan ubat	103
Foto 4.12 Ubat yang telah dilumatkan beserta doa tawar	103
Foto 4.13 Upacara 'sampang sawan tangis	108

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
LAMPIRAN A Antara soalan-soalan tidak berstruktur yang dikemukakan kepada setiap informan terpilih	159
LAMPIRAN B Teks Vervatim	160
LAMPIRAN C Teks Vervatim	161
LAMPIRAN D Senarai Informan	162



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Mantera wujud sama lamanya dengan kewujudan masyarakat itu sendiri. Perkara ini berkait dengan hubungan manusia yang rapat dengan alam dan kuasa supernatural (Haron Daud, 2009: 2). Mereka percaya bahawa alam sekeliling seperti sungai, batu, pokok, hujan, petir serta kejadian-kejadian seperti kemarau, ribut, banjir dan penyakit dikaitkan dengan kuasa-kuasa supernatural. Hal ini mendorong masyarakat berhadapan dengan masalah dan tekanan dalam hidup. Bagi menangani perkara tersebut manusia mencari alternatif bagi melindungi diri mereka daripada perkara supernatural dengan mencari kuasa yang mampu membantu atau melindungi mereka. Secara tidak langsung mereka mewujudkan pengucapan yang dikenali sebagai mantera (Harun Daud, 2009: 36). Dari segi etimologi, kata mantera berasal daripada bahasa Sanskrit, iaitu *mantra*, *manir* atau *matar* yang mempunyai kaitan rapat dengan kitab suci Hindu yang melibatkan kekudusan dan kuasa magis.

Perlanggaran atau penyalahgunaan mantera dipercayai akan mendatangkan kesan buruk. Demikian halnya dengan masyarakat di negeri Sabah yang turut berhadapan dengan situasi tersebut. Perkara ini menjadi lebih menarik kerana negeri Sabah terdiri daripada pelbagai etnik dan muncullah mantera yang dituturkan oleh etnik-etnik mengikut sebutan dialek etnik masing-masing. Oleh itu, istilah yang digunapakai memiliki perbezaan di setiap daerah-daerah yang terdapat di Sabah. Oleh kerana kajian yang dilakukan menumpukan masyarakat Bajau yang tinggal di bahagian Pantai Barat khususnya di daerah Tuaran, maka istilah mantera hanya diambil kira dalam daerah tersebut.

1.2 Latar Belakang Mantera

Mantera orang Bajau di daerah Tuaran dikenali sebagai *bosoon* yang bererti 'bacaan' (Abd Adis Bin Sepok, 76 tahun). Istilah *bosoon* ini berkait rapat dengan makna *tawar* yang membawa maksud penawar penyakit, iaitu ungkapan magis yang digunakan oleh pengamal perubatan tradisional (tabit) ketika merawat pesakit. (Liadin@Yus Bin Rajin, 57 tahun), turut menyatakan istilah *tawar* dikaitkan dengan bahasa Bajau sebagai *tawaran* (perbuatan mengubat dengan kata-kata sakral). Seawal abad ke-19, khususnya masyarakat Bajau di Bahagian Pantai Barat (Dari Teluk Gaya ke Teluk Marudu) telah mengubah corak hidup daripada menetap di laut beralih menetap di darat. Mereka turut menjalankan aktiviti pertanian dan menternak binatang (Yunus Sauman, 2000: 45).

Oleh sebab itu, kata-kata magis juga dipercayai wujud dalam kegiatan pertanian mereka. Menurut Abd Adis Bin Sepok (76 tahun), pekerjaan yang hendak dilakukan **sama ada** masuk ke hutan atau membuka tanah mesti diiringi dengan salam atau kata-kata magis dikenali sebagai *bosoon* bagi menghormati semangat yang mendiami alam sekeliling. Justeru, mereka menggunakan bacaan atau kata-kata yang sukar difahami sebagai alat menghubungkan mereka dengan kuasa-kuasa supernatural tersebut. Istilah *bosoon* wujud apabila masyarakat Bajau melibatkan diri dalam kegiatan pertanian. Mereka menganggap *bosoon* mampu melindungi mereka daripada segala perkara yang dapat membahayakan diri mereka apabila melakukan sebarang pekerjaan. Justeru, sehingga ke hari ini, masyarakat Bajau Tuaran menggunakan *bosoon* dalam menyelesaikan urusan harian mereka.

Bosoon turut dipercayai mengandungi ilmu kebatinan yang boleh membawa perlindungan atau kebaikan kepada mereka yang mengamalkannya. Menurut Azmil Bin Akim (58 tahun), *bosoon* turut dibahagikan kepada dua jenis, iaitu pertama *bosoon* bersifat baik (lemu alap) dan *bosoon* yang bersifat jahat (lemu raat). Biasanya, orang yang memiliki kuasa magis dikenali sebagai pawang atau bomoh yang arif dalam perubatan tradisi (Winstedt, 1951, Arenawati, 1978, Hanafi 2003). Bagi pengamal perubatan tradisi di daerah Tuaran, pengamal yang mahir dan tahu mengenai *bosoon* digelar sebagai (tabit). Pengamal perubatan tradisi terdiri daripada lelaki dan

perempuan serta mereka digelar dengan pelbagai nama (Haliza, 2000: 30). Menurut Saidah Binti Remis (58 tahun), seseorang yang dianggap sebagai (tabit) sinonim dengan gelaran nama *jomo pandai*, *jomo ngerati*, *jomo ngurut*, *tukang manak* atau *bidan*.

Individu yang mempunyai pengetahuan untuk menyembuhkan penyakit, seperti ketua agama dalam masyarakat merupakan orang yang berpengaruh. Ketua yang boleh menjaga dan menentukan keadaan ekonomi masyarakat dipercayai mempunyai ilmu dan hubungan dengan datuk nenek dan tuhan-tuhan mereka (Haliza, 2000: 1). Kebanyakan daripada mereka memiliki kelebihan untuk berkomunikasi dengan makhluk-makhluk ghaib. Justeru, rata-rata pengamal dijadikan sebagai pakar rujuk dalam menyelesaikan sebarang masalah dalam amalan harian mereka. Pengamal perubatan tradisi terbahagi kepada bomoh akar kayu, bomoh jampi, Tok Dalang, bomoh patah, tukang urut, tukang bekam, Tok Mudin, *bidan*, dan Tok Minduk. Mereka mempunyai peranan yang hampir sama, iaitu merawat pesakit (Haliza, 2000: 2).

Rata-rata (tabit) yang mempunyai *bosoon* tidak mewariskan *bosoon* kepada sembarangan orang. Namun, bagi mereka yang mempunyai hubungan darah keluarga biasanya *bosoon* diperturunkan untuk diwarisi sebagaimana pendapat Haron Daud (2009: 38) menjelaskan penyebaran mantera secara lumrah melalui keturunan terutama bagi bomoh yang bertaraf pawang. Mantera tidak boleh diubah dan mantera tidak boleh diajarkan kepada orang yang belum berhak dikhuatiri akan mendatangkan kesan buruk (Haron Daud 2009: 2). Secara tidak langsung, hal ini menggambarkan bahawa status *bosoon* yang mengandungi kuasa luar biasa perlu dipelihara dengan sebaiknya agar tidak digunakan dengan sembrono sehingga mendatangkan kesan kepada pengamal dan pemberi *bosoon*. Heru (2007: ix) menyifakan mantera merupakan suatu doa sakral kesukuan yang mengandungi magis dan berkuasa ghaib. Justeru, penggunaan bahasa mistikal terhadap mantera menyebabkan usaha untuk menterjemahkannya adalah suatu tugas yang sangat mencabar (Arena Wati, 1978: 10).

Sesetengah *bosoon* mempunyai maksud yang sukar untuk dijelaskan oleh pengamal kerana kebanyakan daripada mereka menerima *bosoon* daripada warisan

keluarga tanpa mengambil kira terjemahan setiap bait-bait *bosoon*. Hal ini turut dipengaruhi oleh ungkapan *bosoon* secara zahirnya mengandungi bahasa sakral yang penuh dengan maksud tersendiri. Jika dilihat dalam konteks pemilikan *bosoon* masyarakat Bajau di Daerah Tuaran, rata-rata mereka yang masih mengamalkan *bosoon* berumur lingkungan 50 tahun ke atas dan masih mempraktikkan amalan tradisi dalam amalan harian mereka.

Penggunaan kalimah *Bismillahirrahmanirrahim* di awal dan kalimah *Laillahaillallah Muhammadarasulullah* di akhir *bosoon* menggambarkan masyarakat Bajau Tuaran telah dipengaruhi oleh agama Islam. Namun, tidak dapat dipastikan sejak bila masyarakat ini memeluk agama Islam. Sehubungan itu, sedikit sebanyak pengaruh animisme masih lagi wujud dalam konteks *bosoon*. Meskipun masyarakat Bajau tidak memiliki sistem tulisan, namun *bosoon* masih tetap diamalkan. Langkah mengekalkan tradisi lisan dapat membentuk kebudayaan kebangsaan dan memperkenalkan identiti pemikiran rakyat asal di rantau ini (Taib Osman, 1988:151).

1.3 Latar Belakang Masyarakat Bajau Tuaran

Masyarakat Bajau merupakan etnik kedua terbesar di negeri Sabah. Masyarakat Bajau di Sabah terbahagi kepada Bajau Pantai Barat yang tinggal di daerah Kota Belud, Tuaran, Kudat, Pitas, Kota Marudu, Tenghilan, Inanam, Telipok, Menggatal, Kota Kinabalu, Putatan, Kinarut, Papar dan Beaufort. Manakala Bajau Pantai Timur pula tinggal di daerah Semporna, Lahad Datu, Kunak, dan Tawau.

Istilah Bajau sering dikaitkan dengan perkataan 'berjauhan'. Perkataan itu menggambarkan masyarakat Bajau yang dahulunya dikenali sebagai orang laut yang tinggal di persisir pantai nusantara. Peredaran zaman membawa mereka untuk membuat penempatan di daratan sehingga membentuk masyarakat yang mengamalkan aktiviti pertanian untuk menampung hidup. Bajau di Pantai Barat khususnya di daerah Tuaran dikenali dengan gelaran Jomo Samah, Samah, Bangso Sama, Bajau Samah, dan Sama yang membawa maksud 'samalah kita' atau kita dalam bangsa yang sama. Gelaran-gelaran yang digunakan tidak menjadi perdebatan diantara mereka kerana kebanyakan masyarakat Bajau di sini lebih selesa dikenali dengan Bajau Tuaran yang merujuk lokasi daerah penempatan mereka.

Sehingga ke hari ini, belum ada catatan yang menunjukkan sejarah orang Bajau di Tuaran, namun menurut (Yunus Sauman: 49) menyatakan pada Abad ke-19 orang Bajau telah mula bergiat dalam sektor pertanian. Namun, sejarah kedatangan mereka di Tuaran tidak dapat dijelaskan kerana ada pendapat yang mengatakan orang Bajau telah datang ke Sabah pada abad ke-13 yang tinggal di laut. Sekitar abad ke 14 dan 15 mereka mula mewujudkan penempatan di kawasan pesisir pantai di sekitar Kota Belud dan Tuaran.

Pada Abad ke-14 dipercayai kebanyakan daripada orang Bajau telah menerima pengaruh agama Islam dan menukar kepercayaan animisme yang terdahulu. Justeru, sehingga ke hari masyarakat Bajau majoriti beragama Islam. Namun, sebahagian daripada mereka masih menerima pengaruh animisme dalam amalan hidup mereka.

1.4 Latar Belakang Daerah Tuaran

Tuaran merupakan daerah yang terletak di bahagian Pantai Barat Sabah. Daerah ini memiliki keluasan lebih kurang 450 batu persegi dan mempunyai lebih daripada 212 buah kampung. Jarak Tuaran ke pusat bandar Kota Kinabalu lebih kurang 34 km. Daerah ini dibahagikan kepada tiga kawasan (berdasarkan master indeks daftar pemilih dikemaskini sehingga 30 September 2016-Bahagian pilihan raya negeri) iaitu Tuaran, Tamparuli, Sulaman, Tenghilan dan Kiulu.

Tuaran merupakan pekan kecil yang menjadi laluan diantara ke Utara dan Timur negeri Sabah. Bermaksud setiap perjalanan ke Kota Belud, Kudat, Ranau, Sandakan, Lahad Datu, Semporna dan Tawau mesti melalui daerah ini. Dianggarkan jumlah penduduk daerah Tuaran seramai lebih 108,360 ribu orang dengan kadar pertumbuhan 2.78% setahun (Majlis Daerah Tuaran, 2014). Antara etnik yang terdapat di sini etnik Dusun, Bajau, Murut, Cina, India dan etnik lain. Diikuti oleh masyarakat migrasi seperti Arab, Pakistan, Timur dan pelbagai suku-suku kecil yang lain. Jumlah penduduk Tuaran digambarkan jadual berikut.

Jadual 1.1 Jumlah Penduduk Tuaran pada tahun 2010

Suku Kaum	Bilangan	(ribu) orang
Melayu	367	Orang
Dusun	1,070	Orang
Bajau	494	Orang
Murut	21	Orang
Bumiputera lain	364	Orang
Cina	784	Orang
India	15	Orang
Lain-lain	50	Orang
Bukan- Bumiputera	88	Orang

Sumber : Banci Penduduk & Perumahan, Cetakan 2015, 2010 : 14.

Kawasan daerah Tuaran meliputi kawasan berbukit, sebahagian tanah rata dan terletak di pesisir pantai. Kawasan ini dipecahkan oleh Sungai Tuaran yang menjadi sumber air bersih untuk diproses bagi penduduk di daerah ini. Secara tidak langsung istilah Tuaran juga dikaitkan dengan nama sungai tersebut.

Istilah Tuaran juga dikaitkan dengan perkataan 'tawaran' yang membawa maksud perbuatan jual beli bagi diantara pembeli dan penjual untuk memperolehi harga dan keuntungan yang sama rata. Justeru, urusan jual beli sering berlaku pada setiap hujung-hujung minggu di pasar minggu berlangsung pada hari ketujuh (Ahad) di daerah Tuaran. Semua penduduk yang mendiami daerah Tuaran akan memasarkan sumber hasil bumi dan ekonomi mereka di tamu mingguan itu. Dalam pada itu, istilah 'tawaran' turut digunakan oleh masyarakat Bajau yang membawa maksud perbuatan ketika mengubat yang menggunakan mantera dalam perubatan tradisional. Namun, daripada catatan British yang ditulis oleh Sir Stamford Raffles (Gabenor di Jawa pada tahun 1813) kepada Setiausaha British di India dengan menggunakan perkataan